

SOALAN-SOALAN LAZIM

MEDIC PLAN

Ciri-ciri dan Manfaat Pelan

1. **Apakah itu Medic Plan?**

**Medic Plan** adalah pelan perubatan takaful keluarga yang membayar balik perbelanjaan perubatan yang dikenakan semasa kemasukan ke hospital, pembedahan dan manfaat pesakit luar yang tertentu selepas had deduktibel (jika ada) dikenakan. Pelan ini mampu dimiliki dan boleh diperbaharui setiap tahun. Tiada amaun akan dibayar jika peserta meninggal dunia.

2. **Apakah itu deduktibel?**

Deduktibel ialah sebahagian daripada perbelanjaan perubatan yang pelanggan harus bayar untuk Sebarang Hilang Upaya. Sebagai contoh, jika anda memilih RM1,000 sebagai deduktibel, anda perlu membayar RM1,000 yang pertama daripada perbelanjaan perubatan untuk setiap Sebarang Hilang Upaya. Kami akan membayar perbelanjaan perubatan selebihnya untuk tuntutan yang berkaitan.

Deduktibel akan digunapakai untuk Manfaat Hospital dan Pembedahan serta Manfaat Rawatan Pesakit Luar (kecuali Manfaat Pembedahan Harian). Deduktibel tidak akan digunakan untuk Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital, Manfaat Pembedahan Harian dan Manfaat Tambahan.

Deduktibel akan digunapakai untuk "Sebarang Hilang Upaya" dalam tempoh 90 hari dari tarikh terakhir keluar hospital atau dari tarikh terakhir rawatan pesakit luar. Sebarang hilang upaya seterusnya daripada diagnosis yang sama yang berlaku selepas tempoh 90 hari akan tertakluk kepada Deduktibel yang baru.

3. **Apakah itu "Sebarang Hilang Upaya"? Bagaimana fungsi "Sebarang Hilang Upaya"?**

Sebarang Hilang Upaya bermaksud satu penyakit dan komplikasi yang menyebabkan anda dimasukkan ke hospital sekali atau beberapa kali atau menjalani rawatan pesakit luar daripada penyakit yang sama. Semua kemasukan ke hospital dan/atau rawatan pesakit luar akan diambil kira sebagai daripada penyakit yang sama jika anda belum pulih sepenuhnya dan masih dalam rawatan untuk penyakit tersebut dan komplikasinya.

Kemasukan ke hospital dan/atau rawatan pesakit luar untuk tempoh 90 hari dari tarikh terakhir keluar hospital atau dari tarikh terakhir rawatan pesakit luar bagi penyakit yang sama akan diambil kira sebagai Sebarang Hilang Upaya baru jika anda telah pulih sepenuhnya dan tidak lagi memerlukan rawatan untuk penyakit tersebut.

4. **Adakah Medic Plan membayar perbelanjaan perubatan secara bebas tunai?**

Tidak, pelan ini hanya membayar balik perbelanjaan perubatan sahaja.

5. **Berapakah tempoh perlindungan bagi pelan ini?**

**Medic Plan** boleh diperbaharui sehingga umur 70 tahun (umur pada hari lahir akan datang).

6. **Siapakah yang boleh menyertai Medic Plan?**

Anda boleh sertai pelan ini jika anda merupakan warganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia yang sedang menetap di Malaysia, yang berumur dari 19 hingga 60 tahun (umur pada hari lahir akan datang).

7. **Bagaimana untuk mengetahui jika pelan ini sesuai untuk saya?**

**Medic Plan** sesuai jika anda mencari pelan perlindungan perubatan yang memberi bantuan kewangan apabila anda di masukkan ke hospital dan menjalani pembedahan atau rawatan pesakit luar yang terpilih. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan diri anda dan sumbangan yang dibayar juga adalah mengikut kemampuan anda.

8. **Bagaimanakah Medic Plan ini berfungsi?**

**Medic Plan** adalah pelan berdasarkan konsep takaful di mana peserta pelan ini akan memberikan bantuan bersama kepada peserta yang dalam kesusahan. Anda akan membayar sumbangan ini setiap tahun. Sebahagian daripada sumbangan anda akan ditolak sebagai Caj *Wakalah*, iaitu caj bagi perkhidmatan yang diberikan di bawah sijil anda, dan baki akan disimpan di dalam Dana *Tabarru`*, sebagai Potongan *Tabarru`* (derma). Wang yang dikumpul di dalam dana ini akan digunakan untuk membayar tuntutan yang dibuat

oleh peserta. Anda mungkin layak untuk lebih (jika ada), iaitu lebih dalam Dana *Tabarru`* selepas ditolak semua tuntutan yang perlu dibayar dan rizab.

**9. Adakah saya akan menikmati lebih daripada pelan ini?**

Anda layak untuk menerima lebih yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) selepas akhir tahun kewangan. Bersama dengan peserta lain, anda layak untuk menerima 50% dari lebih yang boleh diagihkan dan kami akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi kerana menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian anda untuk lebih yang boleh diagihkan akan dikreditkan ke dalam akaun anda melalui e-kredit. Amaun sebenar lebih yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Ahli Lembaga Pengarah kami.

Bahagian anda untuk lebih yang boleh diagihkan adalah bergantung pada amaun *Tabarru`* yang anda sumbangkan. Walau bagaimanapun, sebarang tuntutan yang dibayar sepanjang tahun kewangan tersebut akan secara langsung mengurangkan dana lebih yang boleh diagihkan. Oleh itu, bahagian anda untuk lebih yang boleh diagihkan akan dikurangkan/dikeluarkan sekiranya bayaran tuntutan dibuat kepada anda pada tahun kewangan tersebut. Jika jumlah keseluruhan tuntutan yang dibayar atau berbayar kepada anda tidak melebihi amaun *Tabarru`* yang dibayar pada tahun kewangan tersebut, anda layak untuk menerima lebih yang boleh diagihkan.

Sekiranya terdapat defisit daripada Dana *Tabarru`*, kami tidak akan membayar sebarang lebih untuk tahun kewangan tersebut. Sebaliknya, kami akan memberi *Qard* (pinjaman tanpa faedah) untuk menampung kerugian tersebut dan akan membawa pinjaman tersebut ke tahun kewangan seterusnya. Kami mungkin akan menggunakan sebarang lebih untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah tersebut. Baki yang selebihnya (jika ada) akan dikira sebagai lebih yang boleh diagihkan.

Sila klik [sini](#) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai lebih yang boleh diagihkan.

**10. Bagaimana untuk mengetahui lebih lanjut tentang ciri-ciri dan manfaat Medic Plan?**

Sila rujuk kepada brosur **Medic Plan** dan Lampiran Pendedahan Produk.

**Amaun Perlindungan**

**11. Mengapakah terdapat amaun deduktibel yang berbeza?**

Kami menawarkan tiga (3) pilihan deduktibel yang bersesuaian dengan keperluan anda. Amaun deduktibel yang berbeza akan memberi amaun sumbangan yang berbeza untuk pelan ini.

**12. Bagaimanakah untuk saya mengetahui amaun deduktibel yang sesuai untuk saya?**

Ia bergantung pada kemampuan dan keperluan kewangan anda. Matlamat pelan ini adalah untuk mengurangkan beban anda dan keluarga anda sekiranya berlaku sebarang musibah. Sila klik [sini](#) untuk mengetahui perlindungan yang anda perlukan.

**13. Bolehkah saya menukar amaun deduktibel untuk sijil Medic Plan saya?**

Penukaran amaun deduktibel adalah tidak dibenarkan. Sila pertimbangkan dahulu amaun deduktibel anda sebelum anda mendaftar.

**Sumbangan dan Caj**

**14. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Sumbangan yang perlu anda bayar adalah bergantung pada umur dan kelas pekerjaan anda serta pilihan amaun deduktibel. Sila ambil maklum bahawa sumbangan akan meningkat seiring dengan umur hari lahir akan datang anda pada setiap ulang tahun sijil. Sila rujuk Lampiran Pendedahan Produk untuk amaun yang perlu anda bayar.

Sumbangan adalah tidak dijamin dan kami mungkin akan menyemak semula sumbangan atas sebab-sebab tertentu seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perubatan yang lebih tinggi dengan memberi notis bertulis 30 hari. Sumbangan yang disemak semula akan berkuatkuasa pada ulang tahun sijil seterusnya.

**15. Adakah sumbangan yang dibayar untuk Medic Plan layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?**

Ya, sumbangan yang dibayar boleh melayakkan anda untuk menerima pelepasan cukai pendapatan sepertimana tertakluk dalam terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**16. Apakah caj-caj yang dikenakan di bawah Medic Plan?**

Caj *Wakalah* sebanyak 20% akan ditolak daripada sumbangan anda dan baki 80% daripada sumbangan akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.

**17. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikenakan untuk Medic Plan?**

SST tidak akan dikenakan untuk **Medic Plan**. Walau bagaimanapun, sila perhatikan bahawa undang-undang boleh mengenakan atau meningkatkan cukai ke atas sumbangan-sumbangan, atau sebarang pembayaran yang perlu dibayar. Jika demikian, anda perlu membayar cukai pada kadar semasa yang berkenaan.

**Penyertaan Medic Plan**

**18. Bolehkan saya menyertai Medic Plan jika saya mempunyai masalah kesihatan?**

**Medic Plan** direka sebagai pelan yang mudah, di mana anda hanya perlu menjawab tiga (3) soalan berkaitan kesihatan anda. Jika anda mempunyai masalah kesihatan yang relevan, kami tidak dapat menawarkan pelan ini kepada anda.

**19. Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan untuk menyertai Medic Plan?**

Tidak perlu. Anda hanya perlu menjawab tiga (3) soalan berkaitan kesihatan semasa pendaftaran.

**20. Saya mempunyai sijil Medic Plan sedia ada, bolehkah saya menyertai sijil Medic Plan yang lain?**

Tidak, kami hanya menawarkan satu pelan **Medic Plan** untuk setiap individu. Jika anda memerlukan perlindungan perubatan dan kesihatan tambahan, sila klik [sini](#) untuk membuat temujanji dengan perunding takaful PruBSN bagi mengetahui perlindungan yang sesuai untuk anda.

**21. Bolehkah saya menyertai Medic Plan melalui perunding takaful PruBSN saya?**

Tidak, penyertaan pelan ini hanya boleh dibuat melalui portal dalam talian PruBSN sahaja.

**Tuntutan**

**22. Bagaimanakah cara-cara untuk saya membuat tuntutan?**

Sila rujuk [panduan tuntutan](#) untuk Tuntutan Perubatan. Secara alternatif, anda boleh e-mel permintaan anda ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau hubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di 03 – 2053 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi - 5.15 petang).

**23. Bagaimanakah untuk menyemak status tuntutan atau mendapatkan penjelasan lanjut mengenai keputusan tuntutan saya?**

Anda boleh menyemak status tuntutan melalui salah satu cara berikut:

- 1) Hubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di 03 – 2053 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi - 5.15 petang);
- 2) Hantarkan e-mel kepada kami di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my); atau
- 3) Kunjungi [cawangan](#) terdekat kami.

**24. Berapakah tempoh untuk tuntutan diproses?**

Biasanya, tuntutan mengambil masa sehingga 14 hari bekerja dari tarikh terakhir dokumen tuntutan yang diperlukan diterima.

**Pembatalan, Penamatan dan Penguatkuasaan Semula**

**25. Bolehkah saya membatalkan sijil Medic Plan ini?**

Anda boleh membatalkan sijil **Medic Plan** anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Jika anda membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh permulaan, kami akan mengembalikan sumbangan yang telah anda bayar. Walau bagaimanapun, jika anda membatalkan sijil anda selepas tempoh 15 hari, sumbangan anda tidak akan dikembalikan. Sebaliknya, kami akan terus memberikan perlindungan kepada anda sehingga ulang tahun sijil selepas anda memberikan notis tersebut.

**26. Dalam keadaan apakah sijil Medic Plan saya akan tamat?**

Sijil anda akan tamat secara automatik (yang mana berlaku dahulu):

- Pada ulang tahun sijil apabila anda berumur 70 tahun (umur pada hari lahir akan datang); atau
- Apabila sijil anda telah luput kerana anda gagal membayar sumbangan selepas 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar; atau
- Pada ulang tahun sijil selepas anda memberi notis pembatalan; atau
- Apabila anda meninggal dunia; atau
- Apabila ulang tahun sijil selepas notis berkenaan Syarat Penarikan Balik Portfolio.

**27. Jika sijil Medic Plan saya tamat kerana gagal membayar sumbangan selepas 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar (luput), bolehkah saya menguatkuasakan semula sijil saya?**

Tidak, anda tidak dibenarkan untuk menguatkuasakan semula sijil anda. Oleh itu, ianya amat penting untuk anda membayar sumbangan tepat pada waktunya. Secara alternatif, anda boleh menyertai sijil **Medic Plan** yang baru.

**Pembaharuan dan Syarat Penarikan Balik Portfolio**

**28. Adakah sijil Medic Plan boleh diperbaharui?**

Semasa pembaharuan, Kami mungkin mengubahsuai terma dan syarat Sijil ini termasuk sumbangan yang perlu dibayar, atau mengecualikan secara khusus keadaan atau ketidakupayaan yang mengakibatkan tuntutan terdahulu dengan memberikan Anda notis tiga puluh (30) hari sebelum Ulang Tahun Sijil. Sebaliknya, sijil anda akan diperbaharui setiap tahun pada setiap ulang tahun sijil selagi sumbangan dibayar, tertakluk kepada syarat penarikan balik portfolio.

**29. Apakah itu Syarat Penarikan Balik Portfolio?**

Kami boleh menarik balik pengunderitan pelan ini dengan memberi notis bertulis 30 hari sebelum ulang tahun sijil. Semua manfaat di bawah sijil ini akan tamat dari ulang tahun sijil sebaik selepas tamat tempoh notis 30 hari tersebut.